

# PM ucap tahniah atas pemilihan semula Erdogan terajui Turkiye

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mengucapkan tahniah kepada Recep Tayyip Erdogan yang dipilih semula menjadi Presiden ke-13 Turkiye selepas memenangi pilihan raya negara itu.

Dengan pelantikan semula itu, Perdana Menteri berharap

Turkiye akan terus berperanan dengan konstruktif sebagai pemain utama dan penting bagi kawasan serantau dan global.

“Malaysia berharap dapat bekerjasama rapat dengan Turkiye bagi meningkatkan lagi hubungan dua hala yang sedia ada,” katanya dalam ucapan

melalui Twitter rasmi beliau, semalam.

Lembaga Pilihan Raya Turkiye mengesahkan Erdogan menang pusingan kedua Pilihan Raya Presiden negara itu, sekaligus melanjutkan pemerintahannya untuk lima tahun lagi.

Dengan 99 peratus undi se-

lesai dikira, lembaga itu mengumumkan kiraan rasmi menunjukkan Erdogan memperoleh 52.14 peratus sokongan, manakala seterusnya, Kemal Kilibdaroglu menerima 48.09 peratus undi secara keseluruhan.

Pusingan pengundian pertama pada 14 Mei lalu menyak-

sikan tiada pihak mendapat 50 peratus undi mutlak pada pilihan raya kali ini yang disifatkan paling signifikan buat Turkiye.

Erdogan menjadi Perdana Menteri berkenaan pada 2003 sebelum menyusul menjadi Presiden pada 2014.